

28/10/2003

Tiada campur tangan: Dr M (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, beliau tidak akan mencampuri pentadbiran kerajaan selepas persaraannya mulai Jumaat ini.

Perdana Menteri berkata, keyakinan dan peluang sepenuhnya harus diberikan kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mentadbirkan negara ini tanpa sebarang gangguan luar.

"Saya akan undur diri dan tidak kacau. Pentadbir baru perlu diberi peluang mentadbir tanpa gangguan apa-apa," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbendaharaan 2002, Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Kewangan Kedua, Datuk Jamaludin Jarjis, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ng Yen Yen dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan

Sri Samsudin Hitam.

Seramai 56 pegawai dan kakitangan Perbendaharaan menerima anugerah kecemerlangan daripada Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

Pada akhir majlis itu, kumpulan koir Kementerian Kewangan menyanyikan lagu 'Pahlawanku' menyebabkan Perdana Menteri, yang berada di pentas utama

kelihatan sebak, manakala ramai kakitangan termasuk tetamu di pentas utama, dilihat mengesat air mata.

Majlis kembali ceria apabila kakitangan kementerian berasak-asak untuk bersalaman atau mendapatkan tandatangan Perdana Menteri.

Dr Mahathir meminta semua kakitangan kementerian itu memberikan kerjasama untuk terus menjayakan negara ini di bawah kepemimpinan Abdullah.

Beliau berkata, soal sama ada Abdullah akan menjadi Menteri Kewangan atau tidak adalah pilihannya sendiri.

Perdana Menteri percaya Abdullah akan meneruskan segala usaha dan dasar diputuskan kerajaan selama ini, yang dibuat bersandarkan kepada prinsip tanggungjawab bersama yang dipegang oleh Kabinet.

"Pemerintahan negara ini bukan berasaskan kepada tindakan atau pemikiran satu orang saja seperti sering dituduh oleh pihak asing. Kononnya negara kita ditadbir oleh seorang diktator yang memaksa semua pihak membuat apa yang mereka tidak ingin lakukan. Itu tuduhan orang dan ia tidak benar.

"Walaupun pucuk pimpinan bertukar, ia tidak bermakna segala-galanya akan

bertukar. Kita akan lihat cara tertentu yang mungkin berlainan tetapi tetapi dasar dan matlamatnya sama," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau masih percaya pemimpin dan rakyat Malaysia masih berminat untuk melihat tanah air mereka muncul sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

"Itulah matlamat kita dan ke arah ini, kepemimpinan baru, saya yakin akan berusaha dan saya harap semua kita akan memberi kerjasama kepada kepemimpinan yang baru," katanya.

Mengenai persaraannya selepas 22 tahun menjadi Perdana Menteri, Dr

Mahathir berkata sebenarnya tidak ada sesiapa yang begitu penting sehingga segala-galanya akan terhenti jika orang itu sudah tiada.

Katanya, tanggapan seumpama itu tidak benar sama sekali kerana hakikatnya ialah semua orang adalah penting dan mereka juga akan diganti orang lain bila tiba masanya.

"Tidak perlu kita memberi penghargaan terlalu tinggi sehingga mungkin ada pendapat yang menyatakan kita cuba mendewa-dewakan seseorang. Itu bukanlah cara kita.

"Sebaliknya, jasa dan khidmat semua kakitangan kerajaan yang memberikan khidmat ke arah pembangunan negara juga perlu dihargai," katanya.